

Gaji pensyarah, profesor diselaras Oktober - PM

Oleh LUQMAN HAZIQ
ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Kerajaan akan melakukan pelarasan gaji pensyarah, profesor serta penjawat awam dalam Belanjawan Madani yang akan dibentangkan di Parlimen, Oktober ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu sebagai langkah sementara sehingga kajian menyeluruh berkaitan skim gaji dan persaraan penjawat awam selesai dilakukan, yang dijangka pada tahun depan.

"Saya tengok pelarasan gaji pensyarah, profesor dan penjawat awam sudah 10, 12 tahun tidak dikaji, tidak dinaikkan.

"Padahal mengikut peruntukan, setiap 10 tahun perlu ada pelarasan (gaji)...tandas bocor kerja saya, gaji pun kerja saya, saya tidak boleh mengadu, saya Perdana Menteri kena selesaikan masalah ini.

"Jadi saya arahkan tubuhkan jawatankuasa untuk kaji masalah ini," katanya semasa menjawab soalan dalam sesi Temu Anwar di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi dan Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Fauzi Ismail.

Perdana Menteri berkata, menjadi dasar kerajaan sekiranya ada kemampuan untuk membuat pelarasan semula gaji penjawat awam setiap 10 tahun dan sepatutnya telah dilakukan dua tahun lalu.



ANWAR IBRAHIM melambaikan tangan kepada para pelajar yang menghadiri sesi Temu Anwar di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Skudai, Johor Bahru, semalam.

Namun, dakwa beliau, kerajaan sebelum ini bukan sahaja tidak melaksanakan perkara itu, malah mesyuarat membincangkan isu itu juga tidak dilakukan.

Sementara itu, Anwar mengajak anak muda menangani fitnah dan tohmahan bagi membina naratif baharu landskap politik dan ekonomi negara.

Usaha itu sebagai langkah menyelamatkan negara, sekali gus mengangkat Malaysia sebagai negara hebat dan gagah di rantau ini.

"Saya percaya insya-Allah kita boleh angkat Malaysia sebagai negara hebat dan gagah di rantau ini.

"Siapa boleh lakukan, anak muda (boleh lakukan), orang

lama asyik nak gaduh sahaja," tegasnya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan mempertimbangkan semula syarat kemasukan pelajar kategori orang kurang upaya (OKU) dalam program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Katanya, langkah itu bagi memudahkan kemasukan golongan berkenaan ke TVET dengan keupayaan mereka.

"Majlis TVET dipengerusikan oleh Datuk Seri Ahmad Zahid, saya akan beritahu walaupun ada kelonggaran untuk OKU, tetapi janganlah kenakan syarat seperti dua tangan. Syaratnya mesti yang ada keupayaan.

"Insya-Allah ini boleh, kita

beri ruang (melihat semula syarat-syarat TVET bagi pelajar OKU) dan saya rasa tiada masalah," katanya semasa menjawab soalan Alumni UTM, Dr. Ruzimi Mohamed.

Ruzimi dalam soalnya memaklumkan kekangan yang dihadapi pelajar OKU dalam permohonan program TVET yang meminta syarat perlu ada dua tangan, sedangkan ada OKU yang boleh melukis dan menulis menggunakan kaki dan mulut.

Dalam perkembangan sama, Anwar berkata, beliau akan membawa isu kuota pekerjaan satu peratus golongan OKU dalam kementerian dan agensi kerajaan dalam mesyuarat Jemaah Menteri.